

Enjin guna minyak masak

>>Oleh Michelle Gun
michellegun@hmetro.com.my

PASUKAN Green Blitz Universiti Putra Malaysia (UPM) boleh berbangga apabila mencipta kejayaan apabila menghasilkan prototaip kereta daripada tin minuman aluminium dan menggunakan minyak masak terpakai.

Penasihat Pasukan Green Blitz UPM, Dr B T Hang Tuah Baharudin berkata, kos keseluruhan menghasilkan kereta prototaip biodiesel itu kira-kira RM10,000.

"Kami menggunakan lebih 500 tin minuman aluminium untuk mencipta kereta ini sementara bahagian lain kenderaan ini dihasilkan daripada barangan dikitar semula seperti plastik dan kaca.

"Kami turut melakukan sedikit pengubahsuaian terhadap enjin kenderaan ini bagi membolehkannya berfungsi menggunakan minyak masak terpakai," katanya.

Beliau berkata, pasukan terdiri daripada tujuh pelajar daripada bidang Kejuruteraan, elektrik, reka dan arkitek mengambil masa lebih dua bulan menyiapkan kenderaan itu untuk dipertandingkan dalam kategori Konsep Urban di Shell Eco-Marathon Asia 2012.

"Pasukan ini berkonsep 3R iaitu Recyclable, Reuse dan Recycle.



MESRA ALAM...kereta dicipta pasukan Green Blitz diperbuat daripada tin minuman aluminium dan barangan kitar semula.

1,000 pelajar IPT dari 18 negara sertai Shell Eco-Marathon Asia 2012

PERIKSA...Pasukan Green Blitz melakukan pemeriksaan kereta mereka sebelum bertanding di litar.

"Kami mempunyai matlamat mencipta kenderaan yang mesra alam demi memelihara persekitaran," katanya.

Katanya, reka bentuk kereta itu yang mesra alam dan mempunyai saiz enjin kecil sesuai untuk rakyat berpendapatan rendah di bandar selain mudah mendapatkan bahan api.

Acara Shell Eco-Marathon Asia 2012 kali ini menyaksikan lebih 1,000 pelajar dari

institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta mewakili 119 pasukan dari 18 negara menyahut cabaran untuk mencipta kenderaan mesra alam.

Malaysia menghantar penyertaan terbanyak tahun ini dengan 28 pasukan, dalam dua kategori perlumbaan iaitu Prototaip dan

Konsep Urban.

Pasukan pelajar dari Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Malaysia Pahang berjaya meraih empat anugerah di trek dan satu off-track.

